

Hubungan Antara Kecerdasan Emosi dengan Pencapaian Akademik Pelajar di Daerah Hulu Terengganu

Nor Aizal Akmal Rohaizad^{a*}, Nora Mislan^a

^aFakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 UTM Johor Bahru, Johor, Malaysia

*Corresponding author: s59434_aizal@yahoo.com

Article history

Received: 11 November 2011

Received in revised form: 2 March 2012

Accepted: 15 March 2012

Abstract

This research study aims to investigate the level of emotional intelligence between students of Form One in high schools at Hulu Terengganu district in Malaysia. Terengganu district was chosen as the research location because of the proud in academic achievement. The students in Terengganu was made the best record ten years continuously in primary school test (UPSR) level. The instrument used is a questionnaire which have 95 questions was distributed to 364 Form One students at four high schools in that district. Research outcome showed that the students' emotional intelligence level is in the medium range. However, between the five domains of emotional intelligence, interpersonal skill is the most dominant domain among the students. Through Pearson correlation analysis, it shows non-significant relationship between the emotional intelligence and the students' academic achievement. As a conclusion, cooperation between parents and teachers is needed to enhance the students emotional intelligent level to achieve a good academic achievement.

Keywords: Emotional intelligent; academic achievement

Abstrak

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti tahap emosi pelajar serta hubungan antara kecerdasan emosi dengan pencapaian akademik pelajar Tingkatan Satu di sekolah menengah di daerah Hulu Terengganu. Negeri Terengganu dipilih sebagai lokasi kajian kerana pencapaian akademik yang membanggakan. Pelajar di Terengganu telah mencatatkan rekod terbaik selama sepuluh tahun berturut-turut dalam Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR). Instrumen kajian mengandungi 95 soalan yang diedarkan kepada 364 orang pelajar Tingkatan Satu di empat buah sekolah menengah di daerah tersebut. Hasil kajian menunjukkan bahawa domain kecerdasan emosi pelajar yang paling dominan ialah domain kemahiran interpersonal. Namun demikian, tahap kecerdasan emosi dalam pelajar adalah pada tahap yang sederhana sahaja. Di samping itu, data menunjukkan terdapat hubungan yang tidak signifikan di antara tahap kecerdasan emosi dengan tahap pencapaian akademik pelajar. Secara tuntasnya, kerjasama yang erat oleh pihak ibu bapa dan guru perlu bagi meningkatkan lagi tahap kecerdasan emosi pelajar demi kecemerlangan pencapaian akademik pelajar.

Kata kunci: Kecerdasan emosi; pencapaian akademik

© 2012 Penerbit UTM Press. All rights reserved.

■1.0 PENGENALAN

Pelajar yang cemerlang bukan sahaja berjaya dalam bidang akademik tetapi juga perlu mempunyai kecerdasan emosi atau *emotional intelligence*. Kecerdasan emosi yang merupakan satu cabang ilmu bidang psikologi yang agak baru (Mohd Azhar, 2004). Pada awal pengenalan kepada kecerdasan emosi (EQ), ramai sarjana dan pemikir meragui kepentingannya dalam menilai kepintaran manusia kerana bagi mereka, kebijaksanaan manusia adalah dinilai berdasarkan kecerdasan intelek (IQ) iaitu kecerdasan dari aspek pemikiran atau kognitif dan bukannya dilihat dari segi emosi (Goleman, 1995). Bagaimanapun, Goleman (1995) telah berjaya menyedarkan orang ramai betapa pentingnya

kecerdasan emosi dalam kehidupan seseorang melalui bukunya yang berjudul *Emotional Intelligence*. Menurut beliau, manusia hanya menggunakan 20% sahaja IQ berbanding EQ 80% untuk mencapai kejayaan.

Pelajar yang mempunyai tahap kecerdasan emosi yang tinggi akan dapat mengurus cara kehidupan mereka dengan lebih teratur dan harmoni. Pengendalian emosi merupakan aspek yang amat penting dalam kesejahteraan hidup dan kejayaan seseorang individu dalam kehidupan (Ediger, 1997 dalam Mohd Razdi, 2004). Berdasarkan pernyataan Goleman (1998), seseorang individu yang mempunyai kecerdasan emosi yang tinggi akan berupaya meningkatkan tahap pemikiran mereka. Mereka juga mampu mengawal tingkah laku agresif apabila berdepan dengan

situasi di luar jangkaan seperti dimarahi oleh seseorang ataupun tidak dapat menyelesaikan sesuatu masalah. Mereka mampu membuat keputusan yang lebih baik dan ini mendorong ke arah kejayaan dalam kehidupan mereka.

■2.0 PERNYATAAN MASALAH

Secara umumnya, pencapaian akademik yang cemerlang dalam kalangan pelajar sering dikaitkan dengan tingkat kecerdasan pelajar yang tinggi tanpa menyedari kepentingan aspek kecerdasan emosi. Menurut Parker (2001), hubungan antara EQ dan kekuatan akademik dalam bidang pendidikan telah membawa kejayaan akademik di universiti mereka yang berkait rapat dengan kecerdasan emosi. Allen (2000) pula menyatakan bahawa terdapat hubungan yang positif antara kecerdasan emosi (EQ) dengan pencapaian akademik. Oleh itu, ini menunjukkan bahawa aspek kecerdasan emosi juga turut memberi impak besar terhadap tingkat pencapaian akademik pelajar.

Dengan ini, berdasarkan fakta di atas menunjukkan bahawa walaupun manusia mempunyai keupayaan kognitif yang sama iaitu menerima dan memproses maklumat, tetapi cara penggunaannya adalah tidak sama berdasarkan pengaruh dan pengalaman yang dilalui masing-masing (Azizi, Noordin & Zurihanmi, 2005). Ibu bapa bertanggungjawab dalam membentuk, membimbing, mendidik serta mengawal anak-anak mereka sejak dari kecil lagi agar apabila besar akan menjadi seorang individu yang berjaya. Bak kata pepatah melayu ‘jikalau kita hendak melentur buluh, biarlah dari rebungnya’.

Berdasarkan apa yang telah dibincangkan di atas, rata-rata kajian lepas mengatakan bahawa tahap pencapaian akademik yang cemerlang dipengaruhi oleh tahap kecerdasan emosi yang juga tinggi. Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap dan hubungan yang mungkin wujud di antara kecerdasan emosi dengan pencapaian akademik pelajar di kawasan kajian. Ia dijalankan di daerah Hulu Terengganu kerana pencapaian ujian UPSR yang amat memberangsangkan mendahului lain-lain daerah mahupun negeri. Selain itu, didapati juga masih belum ada penyelidikan berkenaan dengan tajuk kajian di kawasan tersebut.

■3.0 SOROTAN PENULISAN

Hasil kajian oleh Ng (2002) terhadap 370 pelajar di Johor Bahru mendapati bahawa hanya tiga domain daripada lima domain kecerdasan emosi Goleman yang mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian akademik pelajar. Domain-domain tersebut adalah kesedaran diri, pengawalan emosi dan empati. Namun demikian, hubungan yang wujud antara kecerdasan emosi dengan pencapaian akademik didapati sangat lemah iaitu $r = 0.18$.

Satu kajian lain yang telah dijalankan oleh Richardson (2000) ke atas 196 orang pelajar yang melihat bagaimana trauma diatasi dengan menggunakan kemahiran EQ. Menurut beliau pencapaian akademik pelajar perempuan didapati lebih tinggi berbanding dengan pencapaian pelajar lelaki. Ini kerana, pelajar perempuan mempunyai tahap EQ yang lebih tinggi berbanding pelajar lelaki. Tambah Richardson lagi, pelajar yang bertindak dengan kurang menggunakan perasaan (gerak hati), berkebolehan untuk bertoleransi dengan perasaan kecewa, mampu menyedari perasaan orang lain serta mampu mengenal pasti dan mengawal perasaan diri sendiri didapati kebolehan emosi yang tinggi.

■4.0 OBJEKTIF KAJIAN

Berikut adalah objektif yang telah dikenal pasti bagi menjalankan kajian ini. Objektif tersebut adalah seperti berikut:

- (1) Mengenal pasti tahap kecerdasan emosi pelajar sekolah menengah harian di daerah Hulu Terengganu.
- (2) Mengenal pasti domain utama kecerdasan emosi pelajar sekolah menengah harian di daerah Hulu Terengganu yang paling dominan.
- (3) Mengenal pasti sama ada terdapat hubungan di antara kecerdasan emosi dengan pencapaian akademik pelajar.

■5.0 METODOLOGI

5.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian yang dijalankan ini melibatkan kajian lapangan dalam persekitaran semulajadi dan situasi yang realistik (Gay, Mills & Airasian, 2009). Penyelidik telah memilih untuk menggunakan kaedah kuantitatif dalam proses penganalisaan data dan akan memanipulasi pemboleh ubah bebas yang terlibat untuk melihat pengaruhnya ke atas pemboleh ubah bersandar dalam keadaan yang terkawal. Pemboleh ubah bebas akan diuji sama ada wujud korelasi yang signifikan ke atas pemboleh ubah bersandar iaitu melihat hubungan antara kecerdasan emosi dengan pencapaian akademik pelajar.

5.2 Populasi dan Sampel Kajian

Jumlah populasi pelajar Tingkatan Satu yang telah mendaftar di sekolah menengah kebangsaan di daerah Hulu Terengganu ialah seramai 6564 orang pelajar. Daripada jumlah populasi tersebut berdasarkan kepada jadual Krejcie dan Morgan (1970), saiz sampel kajian sebenar dapat ditentukan iaitu seramai 364 orang pelajar Tingkatan Satu yang telah menduduki Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) pada tahun 2010 yang dipilih secara rawak daripada empat buah sekolah menengah kebangsaan di kawasan yang terlibat.

5.3 Instrumen Kajian

Bagi menentukan tahap kecerdasan emosi pelajar, penyelidik telah mengadaptasi soal selidik dan mengubahsuai item daripada Aderemy (2010) dengan nilai kebolehpercayaannya sebanyak 0.84. Responden akan diberikan pilihan jawapan mengikut skala Likert iaitu maklum balas sangat setuju maka nilai matanya lima, skala dua iaitu setuju maka nilai matanya empat dan seterusnya. Bagaimanapun bagi item negatif, nilai skala adalah diterbalikkan contohnya jika responden memilih skala satu iaitu sangat setuju maka nilai matanya juga 1 dan seterusnya. Kedua-dua nilai positif dan negatif akan dicampurkan untuk mendapatkan skor min bagi aspek-aspek yang dikaji. Berikut adalah Jadual 1 yang menunjukkan skor item EQ mengikut jenis item.

Skala likert merupakan satu kaedah penyelidikan sikap yang lebih mudah (Likert, 1932). Melalui kaedah ini, subjek perlu menandakan persetujuan ataupun ketidakpersetujuan terhadap setiap pernyataan pada sepanjang skala lima mata yang bermula daripada ‘sangat setuju’ kepada ‘sangat tidak setuju’ melalui satu set pernyataan sikap yang disediakan oleh penyelidik.

Jadual 1 Penskoran bagi mengukur tahap kecerdasan emosi pelajar

Skala Item	Skor Item Positif	Skor Item Negatif
5 - Sangat Setuju	5	1
4 - Setuju	4	2
3 - Tidak Pasti	3	3
2 - Tidak Setuju	2	4
1 - Sangat Tidak Setuju	1	5

Berdasarkan skala ini juga, setiap jawapan yang diberikan oleh responden tidak akan diadili sama ada jawapan tersebut salah ataupun betul kerana tiada juri diperlukan bagi menentukan kedudukan pada skala pernyataan. Jika subjek memilih ‘sangat setuju’ ini bermakna subjek amat menyukai dengan pernyataan sikap tersebut. Begitu juga jika subjek memilih ‘amat tidak bersetuju’ maka menunjukkan tidak menyukai dengan pernyataan tersebut (Azizi *et al.*, 2007).

Permarkahan skor bagi item kecerdasan emosi pula adalah untuk menentukan tahap sama ada tinggi, sederhana atau lemah. Namun demikian, sebelum penentuan tahap yang berdasarkan kepada permarkahan skor dilakukan, penyelidik terlebih dahulu mengenal pasti nilai skor min keseluruhan bagi kecerdasan emosi. Setiap permarkahan ini akan dibahagikan mengikut tahap iaitu tinggi, sederhana dan rendah dan setiap perbezaan tahap mempunyai julat sebanyak 1.33. Setiap skor pemarkahan bagi setiap pemboleh hubah yang terlibat ditunjukkan dalam Jadual 2.

Jadual 2 Pemarkahan skor dan tahap kecerdasan emosi, tingkah laku kenakalan dan gaya keibubapaan

Tahap	Markah
Tinggi	3.67 hingga 5.00
Sederhana	2.34 hingga 3.66
Rendah	1.00 hingga 2.33

5.4 Analisis Data

Berdasarkan tujuan kajian, setiap data yang diperolehi akan dianalisis dengan menggunakan kaedah yang tertentu. Untuk mengukur kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai bagi pemboleh ubah yang terlibat, penyelidik menggunakan analisis deskriptif. Dengan kaedah deskriptif tersebut, penentuan tahap kecerdasan emosi dapat dikenalpasti dan juga domain kecerdasan emosi yang mana yang paling dominan. Manakala untuk melihat perkaitan antara tahap kecerdasan emosi dengan pencapaian akademik pelajar, penyelidik akan menganalisis data secara inferensi dengan menggunakan analisis Korelasi Pearson.

■6.0 DAPATAN KAJIAN

1. Domain utama tentang kecerdasan emosi pelajar sekolah menengah harian di daerah Hulu Terengganu.

Berdasarkan kepada Jadual 3, domain kecerdasan emosi yang paling dominan atau paling tinggi dimiliki oleh pelajar di Hulu Terengganu merupakan domain kemahiran interpersonal iaitu min keseluruhannya 3.75. Sementara itu, domain yang paling rendah atau kurang dimiliki responden merupakan domain motivasi diri iaitu min keseluruhannya 3.44.

2. Tahap kecerdasan emosi pelajar sekolah menengah harian di Hulu Terengganu.

Jadual 4 menunjukkan tahap bilangan dan peratusan responden mengikut tahap kecerdasan emosi. Dari pada jadual tersebut,

seramai 142 orang responden atau 39.0% mempunyai tahap kecerdasan emosi yang tinggi. Sementara itu, sebahagian besar daripada jumlah responden mempunyai tahap kecerdasan emosi yang sederhana iaitu seramai 222 atau 61.0% orang responden. Bagaimanapun, tiada seorangpun daripada bilangan responden yang mempunyai tahap kecerdasan emosi yang rendah. Oleh itu, boleh disimpulkan bahawa tahap kecerdasan emosi pelajar SMK di Hulu Terengganu adalah tahap yang sederhana iaitu min keseluruhan kecerdasan emosi 3.58 dan sisihan piawai 0.35.

Jadual 3 Min keseluruhan bagi domain kecerdasan emosi (n=364)

Domain	Min Keseluruhan	Sisihan Piawai Keseluruhan
Kesedaran Diri	3.49	0.52
Pengawalan Emosi	3.55	0.55
Motivasi Diri	3.44	0.46
Empati	3.67	0.54
Kemahiran Interpersonal	3.75	0.52
Min Keseluruhan	3.58	0.35

Jadual 4 Taburan bilangan dan peratusan responden mengikut tahap kecerdasan emosi (n=364)

Tahap Kecerdasan Emosi	Bilangan	Peratus (%)
Tinggi	142	39.0
Sederhana	222	61.0
Rendah	-	-
Jumlah	364	100

3. Hubungan antara kecerdasan emosi dengan pencapaian akademik pelajar.

Hipotesis Ho1: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kecerdasan emosi dengan pencapaian akademik pelajar

Jadual 5 Analisis hubungan korelasi antara kecerdasan emosi dengan pencapaian akademik pelajar

Kecerdasan Emosi	Kecerdasan Emosi	Pencapaian Akademik
Korelasi Pearson, r	0.148**	1
Signifikan (2-tailed)	0.005	
N	364	364

** Signifikan pada aras keertian = 0.05 (2-tailed)

Jadual 5 di atas menunjukkan hasil analisis hubungan korelasi antara kecerdasan emosi dengan pencapaian akademik pelajar. Hasil kajian mendapati nilai Korelasi Pearson, $r = 0.148$. Ini menunjukkan bahawa hubungan antara kecerdasan emosi pelajar dengan pencapaian akademik mereka adalah pada kadar yang sangat lemah. Korelasi koefisien yang bernilai positif bermaksud hubungan antara kecerdasan emosi pelajar dengan pencapaian akademik mereka adalah berkadar terus.

Sementara nilai $p = 0.005 < \alpha 0.05$ (2-tailed). Oleh itu, hipotesis null ini diterima kerana terdapat hubungan yang tidak signifikan antara kecerdasan emosi dengan pencapaian akademik pelajar.

■7.0 PERBINCANGAN

Perbincangan Hasil Kajian Mengenai Tahap Kecerdasan Emosi Bagi Pelajar Sekolah Menengah Harian Di Daerah Hulu Terengganu

Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap kecerdasan emosi pelajar adalah sederhana sahaja. Begitu juga dengan tahap pencapaian akademik mereka yang juga di tahap yang sama. Jika kita bandingkan dengan hasil kajian yang lepas pula, contohnya kajian yang dijalankan oleh Prakash (2001), kajian beliau menunjukkan bahawa pelajar yang mempunyai tahap pencapaian akademik yang tinggi akan memiliki tahap kecerdasan emosi yang juga tinggi.

Melalui hasil kajian yang dijalankan oleh Zainuddin (2000) ke atas 45 orang pemimpin-pemimpin pelajar telah membuktikan bahawa pemimpin yang cemerlang tidak kira dari segi sifat kepimpinannya mahupun pencapaian akademiknya adalah mereka yang memiliki tahap EQ yang jitu dan mantap. Hasil kajian beliau menunjukkan 73.3% pemimpin yang cemerlang memiliki tahap EQ yang tinggi.

Daripada hasil kajian ini, didapati pencapaian akademik pelajar adalah sederhana begitu juga dengan kecerdasan emosi mereka. Maka dengan ini, terbuktilah bahawa jika individu atau pelajar tersebut memiliki tahap kecerdasan emosi yang rendah, maka tidak mustahil mereka akan mendapat keputusan yang juga rendah dalam akademik. Begitu jugalah sebaliknya, jika mempunyai tahap kecerdasan emosi yang tinggi akan mampu meraih keputusan akademik yang cemerlang.

Berdasarkan hasil dapatan kajian ini juga, terdapat hubungan yang tidak signifikan di antara tahap kecerdasan emosi pelajar dengan pencapaian akademik mereka. Hubungan yang wujud adalah sangat lemah. Ini bertentangan dengan hasil dapatan kajian yang telah dijalankan oleh Ng (2002) yang mengatakan bahawa tiga daripada lima domain kecerdasan emosi iaitu domain kesedaran diri, domain pengawalan emosi dan domain empati mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian akademik pelajar. Walaupun begitu, hubungan yang wujud di antara kecerdasan emosi dengan pencapaian akademik pelajar adalah lemah.

Hasil dapatan kajian yang dijalankan oleh Richardson (2000) juga bertentangan dengan hasil dapatan kajian ini. Beliau telah membuat kajian ke atas 196 orang pelajar yang melihat bagaimana trauma diatasi dengan menggunakan kemahiran EQ. Menurut Richardson, beliau mengatakan bahawa pencapaian akademik pelajar perempuan adalah lebih tinggi berbanding dengan pencapaian pelajar lelaki. Ini kerana pelajar perempuan mempunyai tahap EQ yang lebih tinggi berbanding pelajar lelaki. Tambah Richardson lagi, pelajar yang bertindak dengan kurang menggunakan perasaan (gerak hati), berkebolehan untuk bertoleransi dengan perasaan kecewa, mampu menyedari perasaan orang lain serta mampu mengenal pasti dan mengawal perasaan diri sendiri adalah mereka yang memiliki kebolehan emosi yang tinggi.

■8.0 KESIMPULAN

Daripada apa yang telah dibincangkan dalam kajian ini, jelas menunjukkan bahawa individu yang ingin berjaya dalam

kehidupan bukan sahaja bergantung kepada kecerdasan intelek malah juga memerlukan kestabilan dari segi kecerdasan emosi. Pengawalan emosi yang baik amat penting apabila seseorang itu berada dalam keadaan yang tertekan. Ini kerana kegagalan dalam mengawal emosi akan menyebabkan seseorang itu bertindak di luar kawalan seperti membunuh diri yang telah dilaporkan oleh Akhbar Mingguan pada 17 April 2011. Mereka yang membunuh diri ini masih waras, namun disebabkan kurang kecerdasan emosi menyebabkan mereka mengambil tindakan dengan membunuh diri untuk melaikan diri daripada masalah yang ditanggung.

Untuk mewujudkan keharmonian dan ketenangan dalam diri seseorang individu tersebut memerlukan tahap tingkah laku yang terkawal. Ini telah dibuktikan oleh beberapa kajian yang telah dijalankan yang juga dibincangkan di atas. Individu yang mempunyai tingkah laku terkawal berkebolehan berhubung secara baik dengan masyarakat sekeliling dan mengatur hidup dengan lebih sempurna.

Rujukan

- Aderemy Minhat. 2010. *Hubungan Kecerdasan Emosi dengan Pencapaian Akademik Bagi Pelajar Tahun Pertama Universiti Teknologi Malaysia*. Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia.
- Allen, F. H. & Robert, M. B. 2000. *The Art of Thinking*. New York: Berkley Books.
- Aminah Hj. Noor. 2003. *Mendidik Mental Anak*. Kuala Lumpur: Darul Nu'man.
- Azizi Yahaya, Shahrin Hashim & Yusof Boon. 2008. *Psikologi Pendidikan*. Selangor: Univisions Press.
- Gay, L. R., Mills, E. G., & Airasian, P. 2009. *Educational Research: Competencies for Analysis and Applications*. Pearson International Edition.
- Gay, L. R., Mills, E. G., & Airasian, P. 2009. *Educational Research: Competencies for Analysis and Applications*. Pearson International Edition.
- Ghafani Awang. 2007. Kenakan Remaja dari Perspektif Islam. *Halaqah*. Retrieved April 25, 2011, from <http://halaqah.net/v10/index.php>.
- Goleman, D. 1995. *Emotional Intelligence: Why It Can Matter More Than IQ?*. New York : Bantam Books.
- Kimberly K. 2007. *Parenting Style and Adolescents*. New York: Cornell Cooperative Extension.
- Mahadi Khalid. 2007. *Tingkah Laku Buli dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama di Sarawak*. Seminar Penyelidikan Pendidikan Institusi Perguruan Batu Lintang.
- Mascilla Hamzah (2008). *Masalah Salah Laku Agresif di Kalangan Pelajar Sekolah Rendah dan Hubungannya dengan Gaya Keibubapaan*.
- Mohd Azhar Abd Hamid. 2004. *EQ: Panduan Meningkatkan Kecerdasan Emosi*. Bentong: PTS Publication & Distributors Sdn Bhd.
- Ng Sar Ee. 2002. *Hubungan Antara Kecerdasan EmosiDengan Pencapaian Akademik Pelajar*. Latihan Ilmiah Sarjana Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia.
- Nor 'Ain Sujak. 1999. *Hubungan Masalah Tingkah Laku Dengan Pencapaian Akademik Pelajar*. Latihan Ilmiah Sarjana Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Nurhayati Zainal Abidin. 2003. Anti-human Papillomavirus Activity of Allium Cepa L and Allium Sativum L. *Jurnal Sains*. 11(2): 12–20.
- Parker, J. D. A., Taylor, G. J. and Bagby, R. M. 2001. The relationship between emotional intelligence and alexithymia. *Personality & Individual Differences*. 30: 107–115.
- Prakas Roa. 2001. *Perkaitan di Antara Kecerdasan Emosi dengan Prestasi Akademik Mahasiswa dan Mahasiswa di Universiti Teknologi Malaysia*.
- Richardson, T. L. 2000. *Emotional Intelligence As A Mediators of Transition Trauma In Students Progressing From Elementary To Middle School*. Unpublished doctoral dissertation. Tallahassee: Florida State University.
- Zainuddin Hj Yusuff. 2000. *Hubungan Kecerdasan Emosi dengan Kepimpinan: Tinjauan di Kalangan Pemimpin-pemimpin Pelajar UTM Skudai*.